

# Bengkel Pertanian Kebangsaan

## Menjayakan Sektor Pengeluaran Makanan di Malaysia

*Anjuran bersama :*


ERA CONSUMER MALAYSIA

**ERA CONSUMER MALAYSIA**
*[Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia]*

**PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN**
*[NAFAS]*


**19hb - 21hb Sept, 2000**

**Petaling Jaya**
**Malaysia**

*Disunting oleh : T. Indrani*

# Bengkel Pertanian Kebangsaan

## Menjayakan Sektor Pengeluaran Makanan di Malaysia

**19hb - 21hb September, 2000**

## Kandungan


| | | |
|---|---|---|
| Prakata | | (i) |
| Aturcara | | (ii-iii) |
| **Bab 1** | Pengenalan | 1 |
| **Bab 2** | Aktiviti-aktiviti | 4 |
| **Bab 3** | Penyampaian oleh Kementerian Pertanian, Malaysia | 7 |
| **Bab 4** | Bengkel-bengkel Kerja dan Resolusi-resolusi | 11 |
| **Bab 5** | Penutup dan Cadangan | 19 |
| **Bab 6** | Aktiviti untuk Masa Akan Datang | 21 |
| Senarai Peserta | | 22 |



ERA CONSUMER MALAYSIA

**ERA CONSUMER MALAYSIA**

*[Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia]*

*ERA CONSUMER adalah sebuah organisasi sukarela demokratik bukan bersifat politik dan tidak mendapat keuntungan. ERA memberi tumpuan kepada isu-isu yang merangkumi jaminan makanan, hak asasi manusia, alam sekitar, hak-hak pengguna serta hak wanita untuk membina suatu masyarakat yang adil dan saksama.*

*T. Indrani adalah Setiausaha Agung ERA Consumer dan berkelayakan undang-undang. Beliau berkepakaran dalam isu-isu kepenggunaan, makanan dan pertanian serta isu-isu berkaitan dengan perjanjian-perjanjian antarabangsa.*

# PRAKATA

Makanan merupakan isu yang memerlukan perhatian serius terutamanya bagi negara membangun seperti Malaysia. Bengkel ini diadakan untuk memberi peluang kepada para petani/ peladang, nelayan, usahawan perniagaan tani, lelaki, wanita dan para belia untuk berbincang dengan para teknokrat, pegawai kewangan, pembuat polisi, pakar perindustrian dan para akademik untuk menghasilkan satu kertas cadangan yang praktikal untuk Malaysia menjadi pengeluar makanan yang utama di pasaran dunia. Pengeluaran makanan ini diharap adalah selamat, bernutrisi dan sihat dan dapat diperolehi oleh masyarakat umum dengan harga yang berpatutan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Agriterra, sebuah badan Organisasi Pertanian Belanda yang terletak di Netherlands kerana telah memberikan sokongan untuk Bengkel Pertanian Kebangsaan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada NAFAS sebagai penganjur bersama bengkel ini.

Adalah menjadi harapan tulus ikhlas ERA Consumer Malaysia agar pihak kerajaan dan rakyat Malaysia akan mengambil perhatian serius terhadap isu keselamatan makanan di Malaysia.



Marimuthu Nadason
Presiden

# Aturcara

## September 20, 2000

| | |
|---|---|
| 8.00 – 9.00 pagi | Pendaftaran |
| 8.30 – 9.00 pagi | Ketibaan Tetamu Kehormat |
| 9.00 – 9.10 pagi | Bacaan Doa |
| 9.15 – 9.45 pagi | Ucapan oleh Pengarah NAFAS, diikuti dengan Upacara Perasmian Bengkel |
| 9.45 – 10.15 pagi | Minum pagi |
| 10.15 – 12.30 pagi | ***Dasar Pertanian Negara Ketiga – Usaha-usaha untuk Menjayakan Sektor Pengeluaran Makanan; Tumpuan kepada Pengeluar-pengeluar Kecil*** |
| 12.30 – 1.30 pagi | Makan tengah hari |
| 1.30 – 3.30 pagi | Bengkel-bengkel Kerja |
| | ***Bengkel 1- Dasar Pertanian Negara Ke-3 – Adakah ia menyokong Pengeluar-pengeluar Kecil?*** |
| | ***Bengkel 2 – Memperkukuhkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk Menghadapi Cabaran-cabaran Dasar Pertanain Negara ke-3.*** |
| | ***Bengkel 3 - Mengoptimumkan Pengurusan Sumber Alam Melalui Sistem Penanaman Lestari*** |
| 3.30 – 4.30 p.m. | Sidang Pleno |
| 4.30 p.m. | Minum petang dan berakhir sesi hari pertama |

## September 2l, 2000

| | |
|---|---|
| 9.00 – 9.15 pagi | Rumusan isu-isu yang diperbincangkan dalam bengkel-bengkel hari pertama |
| 9.15 – 11.45 pagi | Bengkel-bengkel Kerja hari kedua (termasuk minum pagi) |
| | ***Bengkel 4 – Pembangunan Sumber Manusia dalam Sektor Pertanian – Cabaran dan Penyelesaian*** |
| | ***Bengkel 5 – Penglibatan Wanita dan Belia dalam Sektor Pengeluaran Makanan*** |
| | ***Bengkel 6 – Sistem Pemasaran – Keutamaan kepada Pengeluar atau Pengguna?*** |
| 11.45 – 12.45 petang | Sidang Pleno |
| 12.45 - 2.00 petang | Makan tengah hari |
| 2.00 – 3.00 petang | Upacara penutup |
| | Ucapan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia (LPP) |
| | Penyampaian Resolusi-resolusi bengkel kepada Ketua Pengarah LPP |
| | Penyampaian sijil kepada para peserta |
| 3.30 petang | Jamuan Ringan dan Majlis Bersurai |

# Bab 1 : Pengenalan

## Sejarah Perkembangan Sektor Pertanian Di Malaysia

Perkembangan ekonomi Malaysia memperlihatkan dan membuktikan teori ekonomi konvensional, di mana perubahan dari ekonomi berasaskan pertanian berubah kepada pergantungan kepada sektor perindustrian untuk menjana pendapatan untuk negara.

Malaysia, kini berada di ambang negara moden. Dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan menyumbangkan peratusan yang tinggi kepada pendapatan negara, kini diperteguhkan dengan teori ekonomi yang menggalakkan perindustrian berlandaskan teknologi informasi sebagai pemangkin, Polisi Perindustrian akan terus menjadi tunjang kepada usaha negara melangkah kehadapan untuk mencapai Wawasan 2020. Secara sepintas lalu, jika kita mengkaji angka – angka induk ekonomi negara pada tahun 1998, ia boleh menjadi petunjuk yang baik – sumbangan pertanian, perhutanan dan perikanan - 9.4%, perlombongan - 8.1%, pembuatan - 27.9%, pembinaan – 4.0% dan sektor perkhidmatan – satu angka yang amat memeranjatkan iaitu 55.6% daripada Keluaran Negara Kasar [KNK][1] .

Namun begitu, satu keputusan yang berani, sukar tetapi strategik harus dilakukan sekarang untuk menjamin kesejahteraan negara, pada masa kini dan juga pada masa hadapan, iaitu berkenaan sektor pertanian negara kita.

Sektor pertanian setiap negara selalunya diberi perhatian yang mendalam. Teori "kelebihan berbanding" atau "comparative advantage" dan pengembangan globalisasi yang tidak terkawal yang dikatakan menjadi penyelesaian kepada perdagangan bebas telah menyebabkan pertanian terutamanya pengeluaran makanan satu sektor dan industri yang penuh dengan kontroversi, dipolitikkan dan diputarbelitkan.

Di Malaysia, sektor pertanian telah berubah daripada sebuah sektor yang menjadi tulang belakang ekonomi negara dalam tahun 60an sehingga kini telah hampir dilupai. *Sekurang – kurangnya sehingga berlakunya Krisis Ekonomi Asia Timur.* Jika kita bandingkan fakta – fakta di antara sektor pertanian dan sektor pembuatan, corak ini dapat kita lihat. Pada 1960, pertanian menyumbangkan 33% daripada KNK, 1970 – 29%, 1980 – 22.9%, 1990 – 18.7%[2] dan 1998 – 9.4%. Pada masa yang sama, sumbangan sektor industri telah meningkat berlipat – ganda. Daripada hanya 12.5% pada 1960, sumbangan sektor perindustrian telah meningkat kepada 27.9% dalam tahun 1998 hanya untuk sektor pembuatan sahaja.

Jika kita meneliti sektor pertanian, kita akan dapat melihat bahawa sejak era selepas merdeka sehingga awal tahun 80an, sektor pertanian menjadi penyumbang besar kepada pembangunan

1 Laporan Ekonomi Malaysia 1999/2000
2 Indeks dan Panduan Pertanian, Malaysia1995/1996

negara. Tidak kita nafikan bahawa sektor pertanian melalui getah, kelapa sawit dan juga bijih timah telah membawa kemakmuran awal kepada Tanah Melayu, di samping menarik perhatian kuasa penjajah, pedagang, dan juga pelbagai pendatang dari seluruh dunia. Sehingga tahun 1980-an, perkembangan pertanian memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi nasional.

Sektor pertanian menyumbangkan 1/3 daripada KNK dan juga membekalkan separuh dari peluang pekerjaan di negara ini dan 50% daripada pertukaran wang asing dalam tahun 60an. Dalam tahun 1970 sahaja, pertumbuhan sektor pertanian adalah 8%

Namun begitu, sejak pertengahan 1970an, penurunan relatif sumbangan sektor pertanian kepada KNK negara mula diperlihatkan. Rancangan – rancangan Malaysia tahun 70an masih menumpukan perhatian kepada pembangunan luar bandar dan pertanian. Punca utamanya adalah pertumbuhan proses industrialisasi negara yang pesat. Walaupun terdapat pertumbuhan dalam sektor pertanian, namun sumbangan mutlaknya kepada KNK semakin menurun.

Corak ini berterusan, ditambah dengan peningkatan kekayaan negara. Masyarakat Malaysia yang semakin kaya dengan pertambahan pendapatan bolehguna, menyebabkan perubahan corak pemakanan dengan pemindahan yang ketara kepada makanan berasaskan pengeluaran ternak [daging, susu, keju] dan juga mempelbagaikan makanan termasuk buah – buahan dan sayur - sayuran dari luar negeri, dan makanan laut. Juga tuntutan untuk makanan dari luar negeri bertambah secara langsung dengan peningkatan permintaan untuk makanan 'berkualiti' dan 'berjenama' [Washington apple, Roti Gardenia, Krafts cheese]. Import sektor pertanian meningkat dari RM3.06 bilion pada 1985, 1990 – RM4.58 bilion, 1996 – RM9.06 bilion, 1997 RM10.08 bilion ke 1998 – RM10.51 bilion[3].

Ini bertindak sebagai pedang bertanduk dua, kerana bukan sahaja menyebabkan kenaikan import malah memalapkan pengeluaran makanan tempatan. Kesannya jelas diperlihatkan sepenuhnya dengan bahang semasa Krisis Kewangan Ekonomi yang melanda Asia Timur. Di Malaysia, peningkatan mendadak bil import makanan jelas sekali.

## Sektor Pengeluaran Makanan di Malaysia

Sektor pengeluaran makanan, jika dinilai dari segi kadar kecukupan, Malaysia adalah di tahap 75% kadar kecukupan pada 1997 [72% untuk sayuran, 94% untuk ikan, 20% untuk daging lembu, 6% untuk daging kambing, 134% untuk khinzir, 110% untuk telur dan 3.5% untuk susu][4]. Walau bagaimanapun, sejak itu industri khinzir telah hampir binasa disebabkan

3 Data dari Kementerian Pertanian

4 Ucapan dasar oleh YB Datuk Amar Dr. Sulaiman Hj. Daud, Menteri Pertanian pada National Agri – Food Conference," 20 – 21 Julai 1999.

Virus Nipah. Krisis Ekonomi Asia Timur memberi tamparan hebat kepada negara Malaysia. Harga makanan melambung naik disebabkan sistem pemasaran yang tidak cekap dan adil, pengeluaran makanan berasaskan eksport, pengurangan dan pencemaran sumber alam, persaingan dari industri lain, kebergantungan kepada bahan import asing, penurunan nilai matawang, dan polisi – polisi nasional.

Walaupun, kita telah berjaya menghadapi krisis kewangan [sebahagian daripadanya disebabkan nasib baik Malaysia kerana harga minyak sawit meningkat], namun begitu pengeluar – pengeluar kecil masih tidak mendapat keuntungan yang munasabah dari harga barangan makanan yang meningkat manakala pengguna terpaksa dibebani dengan peningkatan harga makanan yang berterusan. Anehnya, kesemua ini berlangsung di sebuah negara yang dianugerahi dengan sumber alam yang bertepatan untuk pertanian.

Sektor pengeluaran makanan Malaysia kini berada di persimpangan. Teori Kelebihan Berbanding yang digunakan untuk merasionalkan pengimportan makanan luar negeri haruslah dimansuhkan. Pemikiran bahawa Malaysia adalah negara pengeluar makanan berkos tinggi mestilah dicabar sekarang dengan penyelesaian- penyelesaian yang praktikal dan perskripsi polisi – polisi yang boleh diterimaguna. Langkah – langkah ini harus diutarakan sekarang disebabkan oleh faktor – faktor sosio – ekonomi dan politik negara yang jauh lebih penting dari faktor persaingan antarabangsa. Ini lebih penting kini disebabkan perkembangan oleh liberalisasi pasaran – pasaran tempatan dan WTO [Pertubuhan Perdagangan Dunia]

Bersama dengan arah tuju negara ke sebuah ekonomi berasaskan industri, perubahan senario ekonomi dunia dan struktur industri negara memaksa penilaian semula peranan dan sumbangan sektor pengeluaran makanan dalam sektor pertanian serta pembangunan nasional. Perlunya sebuah sektor pengeluaran makanan yang kukuh terbukti akibat Krisis Ekonomi yang membawa peningkatan bil import makanan, peningkatan harga makanan domestik yang mendadak serta kejatuhan Regim Suharto. Di arena antarabangsa, kesan dominasi dan pengaruh WTO dan juga laungan kuatnya untuk globalisasi dan liberalisasi telah secara serius merisaukan negara – negara membangun terutama sektor pengeluaran makanannya yang dikatakan tidak cekap dan berkesan. Isu – isu ini adalah nyata, relevan dan tulen serta akan menjadi satu masalah dan ancaman kepada negara jika tidak diselesaikan dengan serta – merta secara berkesan.

Sektor pertanian dan industri pengeluaran makanan negara haruslah dikaji dan didefinisikan semula. Rangkakerja ekonomi mikro dan makro yang baru haruslah diubah untuk memastikan sektor in menjadi kukuh secara berterusan dan pertumbuhannya meningkat secara lestari. Sektor ini dapat menyumbang terus kepada keperluan strategik negara, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara. Akhir kata, ini haruslah dilakukan dengan mendengar pandangan orang – orang yang akan paling merasai kesan perubahan ini, iaitu pengeluar – pengeluar kecil sektor pertanian.

# Bab 2: Aktiviti-aktiviti - Malam Sebelum Bengkel

## - Ringkasan aktiviti bengkel dan perkongsian pengalaman

**19 September 2000 : 7.30 p.m. – 10.30 p.m.**

Sesi penjelasan mengenai bengkel-bengkel kerja bermula pada malam 19/9/2000. Pegawai dari ERA Consumer memulakan sesi dengan berinteraksi dengan para peserta dan menanyakan pendapat para peserta mengenai bengkel yang akan diadakan.

Encik Gregory menjelaskan bahawa bengkel ini adalah untuk memahami masalah petani dan peladang. Bengkel ini tidak akan berkesan jika para peserta tidak memberi pendapat atau membawa masalah mereka ke hadapan.

Tujuan utama bengkel adalah supaya peladang dan petani dapat berbahas dan seterusnya mengusulkan kepada pihak-pihak yang berkenaan (kerajaan, ahli akademik, perniagaan, masyarakat sivil) pendapat-pendapat peladang dan petani tentang isu-isu yang menjadi masalah dan cabaran kepada mereka. Setiap bengkel kerja harus diakhiri dengan resolusi-resolusinya tersendiri dan dibentangkan semasa sidang pleno.

Para peladang digalakkan untuk meluahkan pendapat-pendapat mereka mengenai apakah langkah-langkah atau rancangan yang harus dilakukan oleh kerajaan atau mana-mana pihak supaya sektor pengeluaran makanan dapat dijayakan.

Terdapat tiga bengkel pada hari kedua (20/9/2000) dan tiga lagi bengkel pada hari ketiga (21/9/2000). Para peserta diminta menjadi ahli bengkel yang paling sesuai bagi diri mereka.

Bengkel pertama adalah mengenai Dasar Pertanian Negara Ketiga. Adakah dasar ini menyokong pengusaha-pengusaha kecil? Bengkel kedua akan membincangkan mengenai memperkukuhkan pertubuhan-pertubuhan peladang untuk menghadapi cabaran-cabaran dasar pertanian negara ketiga. Bengkel ketiga pula akan membincangkan mengenai mengoptimumkan pengurusan sumber alam melalui sistem penanaman lestari.

Bengkel keempat (yang akan dikendalikan pada hari ketiga) akan membincangkan mengenai pembangunan sumber manusia dalam sektor pengeluaran makanan. Apakah cabaran dan penyelesaian? Bengkel kelima pula akan melihat mengenai penglibatan wanita dan belia dalam sektor pengeluaran makanan. Bengkel keenam akan membincangkan mengenai sistem pemasaran. Adakah pengutamaan bagi pengeluar atau pengguna?

Setelah memberi penjelasan mengenai bengkel-bengkel, Encik Gregory memperkenalkan dua orang peladang dari Belanda, Encik Burt and Cik Moniq yang telah berkongsi pengalaman mereka tentang pertanian.

Encik Burt yang berumur 35 tahun adalah seorang peladang tenusu. Beliau sudahpun berkahwin dan mempunyai 4 orang anak. Beliau mempunyai 125 ekor lembu dalam ladang seluas 75 hektar. Negara Belanda adalah negara yang datar. Rumput ditanam untuk makanan lembu pada musim panas supaya rumput ini boleh disimpan bagi pemakanan lembu pada musim dingin. Apa yang istimewa di negara Belanda adalah ladang-ladang adalah berada lebih kurang satu meter di bawah paras laut dan ladang-ladang dikelilingi oleh benteng-benteng. Satu masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian di Belanda adalah kos buruh yang tinggi.

Untuk mengatasi masalah ini, sejak dua tahun dahulu Encik Burt telah membeli jentera-jentera untuk mengeluarkan susu dari lembu-lembu yang diternak. Peladang-peladang tidak boleh mengeluarkan susu sesuka hati mereka. Belanda adalah ahli Kesatuan Eropah dan terdapat kuota pengeluaran susu yang ditetapkan bagi setiap negara yang menjadi ahli European Union. Belanda diberi kuota untuk mengeluarkan satu juta liter susu setahun. Satu lagi masalah di Belanda adalah kos tanah yang tinggi di Belanda dan terdapat saingan yang tinggi untuk penggunaan tanah.

Cik Moniq pula berumur 30 tahun dan adalah seorang peladang bunga bersama abangnya. Bapa beliau memulakan ladang ini 35 tahun yang dahulu. Beliau bersama abang beliau mengambilalih ladang ini pada tahun lalu. Terdapat tenaga buruh seramai 25 orang. Oleh kerana cuaca kadang-kadang terlampau sejuk, mereka terpaksa membina rumah kaca seluas 2 ½ hektar. Adalah lebih menguntungkan jika ladang yang lebih luas dikerjakan. Ladang yang lebih luas akan mengurangkan kos kerja. Jentera digunakan untuk menanam bunga ke dalam pasu lantaran kerana kos buruh adalah tinggi.

Biji benih juga dijual bersama dengan tanaman/pokok yang muda. Pokok-pokok bunga dijual berdekatan dengan tempat kediaman Moniq. Ia adalah satu sistem penjualan yang baik. Pokok bunga dibawa ke tempat jualan (auction) dan dijual oleh mereka. Petani/peladang tidak terlibat dalam aktiviti penjualan, hanya dalam aktiviti pengeluaran. Tidak kira berapa banyak pengeluaran sebuah ladang, kesemuanya boleh dibawa ke tempat jualan untuk dijual. Harga biasanya tinggi pada mulanya dan harga akan turun apabila pembeli berkurangan. Jika tiada pembeli langsung, bunga-bunga tersebut akan dibuang. Kerugian ini ditanggung oleh pengeluar. Kesemua pokok-pokok bunga dijual kepada koperasi yang menjalankan penjualan. Ia tidak boleh dijual secara terus kepada pembeli.

Encik Burt menyambung perbincangan dengan memberitahu para peserta bahawa kesemua ladang-ladang di Belanda adalah milik sendiri. Untuk berjaya, petani/peladang mestilah menguasai pasaran atau menjadi sebahagian dari pasaran. Susu yang dihasilkan semuanya dibeli oleh sebuah koperasi yang dimilik bersama oleh peladang/petani. Sistem ini bermula di Belanda sejak 100 tahun dahulu.

Dalam koperasi, terdapat tiga aras iaitu aras tempatan, aras negeri dan aras kebangsaan. Dua kelompok utama adalah petani/peladang muda dan yang tua. Encik Burt menjadi ahli peladang muda pada aras tempatan pada umur 22 tahun. Beliau menjadi ahli aras kebangsaan pada umur 32 tahun. Ini adalah sistem evolusi. Apabila umur meningkat, petani/peladang bergerak ke tahap yang lebih tinggi dan mereka yang muda akan mengambil tempat pada tahap yang lebih rendah.

Peladang-peladang di Belanda tidak memperolehi bantuan kewangan daripada sesiapa. Harga bergantung kepada pasaran. Bagi susu, harga adalah lebih stabil berbanding dengan bunga. Jika masalah teknikal dihadapi, ia akan dibincang bersama oleh pertubuhan peladang. Ladang tenusu ini adalah perniagaan turun-temurun sejak lapan generasi. Harga susu adalah lebih kurang RM 1 per liter. Terdapat lebih kurang 50,000 petani/peladang di Belanda. Terdapat jumlah penduduk seramai 15 juta. Tiap-tiap tahun terdapat 5% kekurangan dalam jumlah petani/peladang. Tidak terdapat orang tengah kerana 75% daripada peladang/petani adalah ahli koperasi.



*En Lopez sedang berinteraksi dengan para peserta*

# Bab 3: Penyampaian oleh Kementerian Pertanian Malaysia

## Pendekatan-pendekatan Strategik bagi Pembangunan Pertanian

**20 September 2000 : 10.15 a.m. – 12.30 p.m.**

| Pendekatan Berasaskan Produk | ← | PENDEKATAN PENDEKATAN STRATEGIK | → | Pendekatan Perhutani |
|---|---|---|---|---|
| *Berasaskan permintaan pasaran & citarasa* | | | | *Memaksimumkan penggunaan tanah* |

*Teras Dasar dan Strategi Baru Kerajaan*

Kepentingan Nasional
- Sekuriti Makanan
- Inflasi
- Meningkatkan produktiviti
- Meningkatkan pelaburan sektor swasta dalam sektor pertanian
- Meningkatkan eksport
- Mengurangkan import yang tidak produktif
- Memulihara dan mengguna sumber-sumber asli secara lestari

*Ke arah Pelaksanaan Cemerlang Dasar Pertanian Negara Ketiga*

Misi
Mengubah sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing.

Ukuran kejayaan
- Sumbangan kepada KDNK
- Imbangan Perdagangan
- Penyertaan Sektor Swasta
- Pendapatan Pengeluar
- Inovasi dan Keupayaan Teknologi

Kedudukan Sekarang

| | | |
|---|---|---|
| Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK | = | 12.8% (RM 17.8 bilion) |
| Sumbangan sektor makanan kepada KDNK | = | 3.8% (RM 5.2 bilion) |

<u>Cabaran-cabaran yang dihadapi:</u>

- Bil import yang tinggi pada tahun 1999 = RM 10.9 bilion
- Globalisasi : WTO—1995, 2000
  AFTA—akan berkuatkuasa pada tahun 2003
- 90% produk dikeluarkan secara tradisional. Kesan pertanian tradisional adalah seperti:
  – tidak ekonomik – produktiviti rendah
  – teknologi rendah – pasaran tempatan

**<u>Pelaburan:</u>**

| **Produk** | **Nilai import semasa (RM)** |
|---|---|
| Bawang (Indonesia & India) | 245,777 |
| Cili Kering (India) | 133,506 |
| Kentang (Indonesia) | 157,929 |
| Jagung (US & Argentina) | 987,681 |
| Gula (Australia) | 972,286 |
| Padi (BERNAS) | 719,239 |

**<u>Unjuran Nilai Ditambah Pertanian - Sektor Makanan (2000-2010)</u>**

| **Komoditi** | **Tahun 2000** | | **Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)** | |
|---|---|---|---|---|
| | **RM Juta** | **%** | **2000-2005** | **2005-2010** |
| Padi | 702 | 13.4 | 1.1 | 1.2 |
| Ternakan | 1,112 | 21.2 | 1.8 | 2.8 |
| Perikanan | 2,221 | 42.3 | 2.9 | 2.5 |
| Sayur-sayuran | 635 | 12.1 | 5.4 | 6.5 |
| Buah-buahan | 576 | 11.0 | 6.1 | 6.1 |
| **Sumbangan kepada KDNK Pertanian** | **5,246** | **29.4** | **3.1** | **3.5** |

*(Perangkaan sepertimana dalam DPN3 dan selaras dengan kajian semula RMKe7 UPE)*

*<u>ARAH TUJU SEKTOR PERTANIAN</u>*

**Pelaburan dalam pertanian (2000-2010)**

Jumlah pelaburan sektor swasta = RM 21.393 bilion (66%)
Jumlah pelaburan sektor kerajaan = RM 11.039 bilion (34%)

*Ciri-ciri baru*

- Pengeluaran berskala besar dan mekanisasi—taman industri agro teknologi
- Penyertaan sektor swasta
- Berintensifkan teknologi dan pengetahuan, ICT
- Kepelbagaian melintang dan menegak —pendekatan berasaskan produk
- Peningkatan perkhidmatan sokongan (R & D, pemasaran & kewangan)
- Pembangunan sumber manusia (petani, pekerja, pembekal perkhidmatan)
- Pembangunan agro-pelancongan
- Pusat kuasa teknologi—peranan syarikat-syarikat perladangan korporat

## Peta Transformasi

Kedudukan Sekarang → Arah Tuju Kita

*Strategi-strategi Transformasi*

Fokus kerajaan kepada:

- Komoditi-komoditi utama
- Pendekatan-pendekatan baru (berlandaskan k-ekonomi)
- Penyusunan semula institusi

## Komoditi Utama

Kriteria Bagi Projek-projek utama

1. Daya saing dan daya maju komersial
2. Pengurangan import dan peningkatan eksport
3. Sekuriti makanan
4. Tidak mudah terdedah kepada perubahan harga yang besar
5. Menarik penyertaan sektor swasta
6. Mempercepatkan K-ekonomi & E-ekonomi dalam pertanian/teknologi baru
7. Kurang penggunaan buruh
8. Persekitaran yang lestari
9. Membolehkan kepelbagaian menegak dan melintang

## Pendekatan Baru Bagi Tanaman

- Didorong oleh pasaran
- Kumpulan perladangan bersepadu
- Pengestetan (Ladang Merdeka)
- Ladang Campuran Moden Berskala Besar
- Pengurus ladang professional

- Program komunikasi yang kukuh
- Ladang contoh/pemindahan teknologi
- Teknologi Baru - Rumah Kaca - Aeroponik
  - Hydroponik - Pertanian Tepat
- Mekanisasi
- Zon tanaman kekal pengeluaran makanan (kerajaan negeri)
- Ladang-ladang satelit
- Tanah terbiar yang tidak diusahakan
- Penglibatan sektor swasta dalam rancangan kerajaan
- Mesra alam - perladangan secara organik
  - pengurusan perosak bersepadu

## Mengorganisasi semula institusi-institusi

Institusi-institusi seperti MARDI, FAMA dan Kementerian Pertanian juga akan diperkukuhkan dan disusun semula. Peranan 'orang tengah' akan cuba dihapuskan untuk memberi lebih banyak peluang kepada para petani terhadap hasil pertanian mereka.

Objektif baru kerajaan: **Ke arah transformasi sektor pertanian yang moden, dinamik dan berdaya saing didorong oleh pasaran dan teknologi.**



*Sebilangan para peserta*



*Sesi soal jawab*

# Bab 4: Bengkel-bengkel Kerja dan Resolusi-resolusi

**20 September 2000 : 1.30 p.m. – 3.30 p.m**



*Sebilangan dari para peserta*

## Bengkel 1 : Dasar Pertanian Negara ke 3 – Adakah Ia Menyokong Pengeluar-Pengeluar Kecil?

Untuk melihat apakah elemen-elemen dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) yang membantu pengeluar-pengeluar kecil sektor pertanian negara? Dan juga adakah konsep/ pendekatan ini benar-benar membantu golongan petani.

*Objektif:*

1. Mendapat pendapat para petani dan peladang mengenai apakah masalah yang timbul sejak polisi Dasar Pertanian Negara 1 dalam tahun 1984?
2. Adakah Dasar Pertanian Negara ke-3 menyokong pengeluar-pengeluar kecil atau sebaliknya?
3. Apakah polisi-polisi yang terbaik atau terbaru (melalui DPN3 atau lain) untuk membela pengeluar-pengeluar kecil dan memastikan mereka dapat menyumbangkan tenaga mereka secara produktif untuk mencapai matlamat-matlamat DPN3?

*Resolusi-Resolusi*

**Pengerusi : Encik Paul Sinappan**

1. Dari segi pengeluar-pengeluar kecil yang miskin, program utama yang perlu dijalankan adalah pembasmian kemiskinan.
2. Program pembangunan sumber manusia juga perlu memberi tumpuan kepada kumpulan ini.
3. Perlu juga dijalankan aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan dan peningkatan kemahiran dan pengetahuan.
4. Perlu diadakan perkongsian bijak di antara pengeluar-pengeluar kecil dan pihak swasta.
5. Perlu juga diadakan pemindahan teknologi di antara pihak swasta dan pengeluar kecil.
6. Para petani juga perlu membuat keputusan mereka sendiri untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka.
7. Badan bukan kerajaan perlu menyediakan “pendidikan berkomuniti”.
8. Perlu adanya akses kepada IT bagi pengeluar-pengeluar kecil.

## Bengkel 2 : Memperkukuhkan Pertubuhan-Pertubuhan Peladang Untuk Menghadapi Cabaran-Cabaran Dasar Pertanian Negara Ke 3

Menganalisa kekuatan dan kelemahan pertubuhan-pertubuhan peladang di Malaysia dan seterusnya untuk membincangkan langkah-langkah untuk memperteguhkan pertubuhan-pertubuhan peladang ini.

*Objektif:*

1. Mendapatkan pandangan peladang dan petani tentang kekuatan dan kelemahan pertubuhan-pertubuhan peladang mereka dan adakah selama ini pertubuhan-pertubuhan peladang berfaedah kepada ahli-ahlinya.
2. Mendapatkan pandangan petani dan peladang tentang apakah usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan peladang untuk membantu mereka untuk mencapai matlamat-matlamat DPN3.
3. Apakah objektif-objektif dan fungsi-fungsi pertubuhan-pertubuhan peladang sendiri dalam era globalisasi ini dan bagaimana mereka dapat membantu ahli-ahli mereka?

*Resolusi-Resolusi*

**Pengerusi : Dr. Abu Hassan bin Mohamad Isa**

1. NAFAS melalui jaringan rantaian yang sedia ada dengan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mesti memainkan peranan sebagai agensi pemasaran yang terpenting dengan kerjasama dan bantuan daripada pihak FAMA.
2. Untuk menjaminkan pengeluaran yang berterusan dan memenuhi keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa, Pertubuhan Peladang Negeri perlu memainkan peranan membuat perancangan dan jadual pengeluaran secara terperinci berasaskan maklumat pasaran yang disediakan oleh pihak FAMA. Perancangan pengeluaran perlu memberi perhatian kepada aktiviti pemasaran, pembungkusan dan pemprosesan yang dilaksanakan oleh NAFAS.
3. Bagi membolehkan pengeluar-pengeluar untuk meningkatkan saiz pengeluaran, usaha perlu dilaksanakan oleh NAFAS dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) untuk membolehkan mereka menggunakan tanah-tanah terbiar dengan lebih berkesan dan menguntungkan.

4. NAFAS dengan menggunakan rantaian pengedaran melalui PPN dan PPK memperkemaskan lagi kegiatan pengedaran bahan input, benih dan juga baka ternakan.

5. Untuk memastikan pengusaha-pengusaha dibekalkan dengan tenaga kerja mahir dan berkemampuan, pihak PPN dan PPK boleh memainkan peranan sebagai agensi pembekal tenaga mahir.

6. Suatu dana pembiayaan mesti diwujudkan oleh NAFAS dengan memastikan segala dana pembiayaan yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk projek-projek tertentu disalurkan melalui NAFAS dengan menggunakan PPK sebagai agensi pengedar.

7. Untuk memastikan peserta projek mempunyai sikap dan ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan serta kemahiran teknikal, program latihan yang komprehensif perlu dilaksanakan oleh LPP melalui PPN dan PPK. Pegawai-pegawai yang terlibat juga perlu diberi latihan mengenai sikap-sikap positif untuk menjamin kejayaan projek.

8. Pihak PPN yang terlibat perlu mengenal pasti projek yang boleh disertai oleh golongan belia yang betul-betul berminat menceburi diri dalam kegiatan pengeluaran hasil dan produk pertanian tetapi tidak mampu berbuat demikian kerana kekurangan sumber.

9. Gerakan pendaftaran anggota secara besar-besaran perlu dilaksanakan oleh PPK untuk memperkukuhkan dan menguatkan lagi gerakan pertubuhan peladang.



*Sebilangan dari para peserta*

# Bengkel 3 : Mengoptimumkan Pengurusan Sumber Alam Melalui Sistem Penanaman Organik.

Pencemaran alam semakin berleluasa dan pada masa yang sama kesuburan tanah menjadi isu yang penting. Adakah negara kita mampu untuk mengekalkan sumber aslinya untuk generasi akan datang dan siapakah akan memiliki semua sumber alam ini? Apakah sistem tanaman alternatif iaitu sistem penanaman lestari menjadi jawapannya?

*Objektif:*

1. Adakah cara penanaman konvensional selamat dan berfaedah dalam jangkamasa panjang?
2. Apakah pandangan golongan tani tentang cara penanaman konvensional?
3. Apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan pengekalan sumber asli (kesuburan tanah, kebersihan air dan udara) negara ini.

*Resolusi-Resolusi*

**Pengerusi : Encik Gurmit Singh**

1. Masalah yang dihadapi sekarang adalah masalah bahan kimia dan tiadanya perhubungan di antara petani dengan tanah.
2. Petani juga menghadapi masalah kerana membeli benih-benih yang telah diubahsuai secara genetik dari syarikat-syarikat multinasional.
3. Petani-petani perlu membina pencegahan secara semulajadi dalam tumbuhan mereka. Input-input yang mampan seperti “fossil fuel” perlu digunakan oleh petani-petani.
4. Penanaman lestari bermakna (i) tumbuhan dapat dimakan oleh manusia (ii) tanah tidak hilang mutunya dan anak-anak kita dapat terus menggunakannya.

## Bengkel 4 : Pembangunan Sumber Manusia dalam Sektor Pengeluaran Makanan – Cabaran dan Penyelesaian

Isu yang paling mencabar kepada masyarakat tani negara ini adalah persaingan dari syarikat-syarikat gergasi pertanian dari Malaysia dan juga negara-negara lain. Hanya dengan pembangunan sumber manusia yang sepadu dapatlah golongan tani negara kita menyaingi mereka dan meningkatkan mutu hidup mereka serta membuat keputusan tentang apakah yang terbaik untuk diri mereka.

*Objektif:*

1. Memastikan apakah masalah dari segi pembangunan sumber manusia dalam sektor pertanian.
2. Memastikan samada pembangunan sumber manusia dari pendekatan ala barat/ negara maju sesuai dengan negara Malaysia?
3. Apakah yang perlu dilakukan sekarang untuk memastikan kesinambungan golongan petani tanpa memudaratkan cara hidup mereka dan alam?

*Resolusi-Resolusi*

**Pengerusi : Dr. Pazim Othman**

1. Kecekapan agensi-agensi kerajaan dalam menyampaikan pengetahuan mengenai penggunaan teknologi, pengendalian pertanian yang menguntungkan dan pengajaran pertanian secara “hands-on”. Ini amat diperlukan kerana terdapat petani-petani dalam golongan pertengahan umur yang buta huruf. Dengan lebih berorientasikan teori, ia tidak akan mengubah atau mencapai matlamat DPN pada era ini.
2. Perlu ada pakatan atau “partnership” di antara agensi-agensi kerajaan dan petani-petani. Pendapat-pendapat petani amat penting untuk memastikan jangka hidup sektor pertanian.
3. Kesesuaian tanah perlu diambilkira bagi pengeluaran tanaman untuk makanan.
4. Kerajaan negeri perlu mengubah dasar terhadap pengagihan tanah.
5. Faktor kos hidup (cost of living) menjadi faktor penting kekurangan golongan belia yang terlibat dalam sektor pertanian.
6. Ibu bapa yang bekerja sebagai petani tidak mendorong anak-anak mereka melibatkan diri dalam sektor pertanian.
7. Di sekolah-sekolah, kurang penekanan terhadap isu-isu pertanian.

8. Revisi ko-kurrikulum bukan sahaja dalam kursus-kursus untuk para petani malah juga dalam sistem pendidikan negara yang harus memberi perhatian yang sama penting kepada pertanian dan IT.

9. Sektor pertanian harus berunding dengan sektor-sektor lain yang dapat membantu mengukuhkan sektor pertanian contohnya agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan memperuntukkan infrastruktur.

10. Sektor pertanian harus agresif dalam cara-cara membangunkan dan memperkukuhkan sektor ini.

11. Sektor pertanian perlu mengadakan gandingan bersama dengan institusi-institusi negara maju seperti yang terdapat dalam bidang IT.

12. Perlu memfokus kepada eko-teknologi yang mesra alam.

# Bengkel 5: Penglibatan Wanita dan Belia dalam Sektor Pengeluaran Makanan

Wanita dan belia kini harus menjadi tunggak hadapan negara dalam sektor pertanian. Apakah langkah-langkah spesifik yang dapat dilakukan oleh kerajaan dan sektor swasta?

*Objektif:*

1. Masalah kaum wanita dan belia untuk menceburi sektor pengeluaran makanan.
2. Langkah-langkah spesifik yang harus dilakukan untuk memastikan penyertaan secara efektif golongan wanita.
3. Langkah-langkah spesifik yang harus dilakukan untuk memastikan penyertaan secara efektif golongan belia.
4. Peranan golongan wanita dan belia sendiri dalam menyahut cabaran ini.

*Resolusi-Resolusi*

**Pengerusi : Puan Ursula Goh**

1. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) perlu mengenal pasti belia-belia di kawasan pertanian dengan mengadakan projek-projek pertanian di mana mereka boleh ditunjuk ajar.
2. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) perlu mengadakan kursus-kursus kemahiran seperti membuat kuih dan kursus memasak bagi wanita. Kursus-kursus ini boleh diajar oleh wanita-wanita yang mengajarnya kepada wanita-wanita kampung yang lain.
3. LPP perlu mengadakan kursus-kursus yang lebih teknikal (meningkatkan kursus-kursus) supaya wanita lebih yakin untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian.
4. Petani-petani perlu menggalakkan salah seorang anak mereka untuk meneruskan penglibatan mereka dalam sektor pertanian.
5. Pendekatan untuk menggalakkan belia dalam bidang pertanian mestilah berbeza. Belia mesti melihat keuntungan dalam sektor pertanian sebelum melibatkan diri dalam pertanian. Program-program yang diadakan oleh LPP mestilah menarik minat jangka-panjang untuk melibatkan diri belia dalam sektor pertanian.
6. Kursus-kursus pemerosesan makanan mestilah diadakan secara luas bagi belia lelaki dan wanita.
7. Untuk menarik minat belia, NAFAS mesti secara agresif mencari jalan membuka ‘franchise’ atau peluang-peluang pemasaran di mana belia dapat melibatkan diri dalam pemasaran dan pengedaran. Apabila belia melihat keuntungan dalam sektor ini, mereka akan melibatkan diri dalam sektor pertanian.
8. Menjadikan sektor pertanian lebih ‘glamour’. Contohnya, dari segi pakaian petani, cara pertanian yang moden, penggunaan IT dalam sektor pertanian dan sebagainya.

